

Sikap pemandu kenderaan berat punca kemalangan

6 JUN 2022

Oleh BATRISYIA KHAIDAR

utusannews@mediamulia.com.my


PETALING JAYA: Sikap pemandu kenderaan berat seperti treler dan lori yang tidak mengutamakan keselamatan pemandu kenderaan lain adalah antara punca utama berlaku kemalangan.

Pensyarah Pusat Pemanduan Bijak (SDRC), Fakulti Kejuruteeraan Awam dan Alam Bina, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Prof. Madya Dr. Munzilah Md. Rohani berkata, golongan itu juga merasakan bahawa pemandu kenderaan ringan lain akan memberi keutamaan kepada mereka di atas jalan raya.

“Selain itu, ketiadaan sistem pengesahan daripada syarikat-syarikat pengangkutan atau logistik tentang cara pemanduan pemandu dan berapa had laju yang dibawa juga berkemungkinan menjadi punca berlakunya kemalangan.

“Ini menyebabkan pemandu-pemandu tersebut memandu atas kapasiti sikap sendiri di samping sudah terbiasa dengan cara pemanduan berbahaya yang dilakukan berpuluh-puluh tahun lalu,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Terdahulu, akhbar ini me-



ANGGOTA penguat kuasa Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Negeri Selangor memeriksa lori-lori treler dalam operasi ‘Ops Selit’ di susur keluar lebuh raya Plaza Tol Bukit Raja. - UTUSAN/ZULFADHLI ZAKI

laporkan empat maut dalam dua kejadian berasingan membabitkan treler dan lori.

Di Kampar, dua beradik maut setelah kereta dinaiki yang dipandu bapa mereka terlibat kemalangan dengan sebuah treler di Kilometer 310.4, Lebuh raya Utara-Selatan arah selatan.

Di Kuala Selangor pula, tindakan dua lelaki menukar tayar

kereta di tepi jalan berakhir tragedi selepas dilanggar sebuah lori di Kilometer 11.5 Jalan Kuala Selangor-Kuala Lumpur, Bukit Rotan mengakibatkan kedua-dua mangsa meninggal dunia di tempat kejadian.

Munzilah berkata, punca lain kemalangan melibatkan kenderaan berat berlaku berkemungkinan daripada syarikat

pengangkutan atau logistik yang tiada akses untuk melihat latar belakang pemandu yang diambil bekerja.

“Jika mereka boleh mengakses sistem tersebut, secara tidak langsung, mereka tidak akan mengambil individu itu untuk bekerja kerana mempunyai latar belakang pemanduan yang tidak selamat,” jelasnya.